

04/05/2003

SARS tidak beri kesan serius

JOHOR BAHRU: Rakyat dinasihatkan jangan bimbang kerana wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) yang sedang menular di seluruh dunia tidak memberi kesan serius kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Kewangan II, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, berkata walaupun laporan Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia mengesahkan wabak pembunuh itu menjejaskan beberapa sektor ekonomi di negara ini, ia tidaklah serius.

"Kesan daripada wabak SARS (di negara ini) tak berat seperti di Hong Kong, Singapura dan China yang terpaksa berdepan jumlah kematian dan kes jangkitan SARS yang tinggi.

"Wabak SARS bukan dari negara ini. Selain itu, kita mempunyai pengalaman berdepan virus Nipah.

"Kita juga pernah berdepan keadaan tidak menentu ketika pengeboman pusat pelancongan di Bali, Indonesia. Kerajaan dengan tindakan dan pengalaman itu mampu mengatasi masalah ini.

"Saya juga ingin menegaskan, negara mempunyai rizab tinggi, sektor perbankan negara berada pada kedudukan baik untuk berdepan suasana sedemikian," katanya selepas menghadiri Majlis Malam Mesra Menteri Kewangan II Bersama Warga Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Johor di sini, malam kelmarin.

Sehubungan itu, Jamaludin berkata, rakyat wajar mengambil peluang daripada keadaan sekarang untuk melancong ke destinasi menarik dalam negara kerana industri pelancongan menawarkan pakej menarik.

"Kita akan menyaksikan harga potongan bagi penginapan hotel, pengangkutan dan pelbagai kemudahan pelancongan yang sewajarnya digunakan sebaik mungkin rakyat tempatan.

"Yakinilah kesannya (wabak SARS) tetap ada, tapi tak begitu besar seperti negara lain. Rakyat perlu hidup seperti biasa. Jangan panik...pergilah membeli belah dan melancong," katanya.

Mengenai persediaan kerajaan menangani kesan wabak pembunuh itu, beliau berkata, kerajaan akan memperkenalkan pakej rangsangan khas bagi sektor terjejas terutama pelancongan dan perhotelan.

"Pakej rangsangan itu pada peringkat kajian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kita sedang lakukan perancangan rapi. Kerajaan putuskan bentuk pakej itu," katanya.

Pakej rangsangan itu yang turut meliputi kesan peperangan di Iraq terhadap ekonomi negara akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan.